

Warta **102** Konvo

Edisi 8 September 2025

**GRADUAN UiTM PENGGERAK
PEMBANGUNAN NEGARA**

**GRADUAN UiTM MAMPU
BERPERANAN SEBAGAI AGEN
PERUBAHAN UMMAH**

**DOKTOR HOLISTIK,
AMANAH BESAR BUAT NEGARA**





DARI SEKOLAH MEMBAWA KE PUNCAK MENARA GADING

**“Saya belajar
menghargai setiap proses
kecil yang membawa
kepada pencapaian besar.”**



oleh : Aidil Adha Abdullah

Di sebalik sorakan kejayaan yang bergema di pentas konvokesyen, tersimpan kisah perjuangan seorang insan yang tidak mengenal lelah.

Bermula sebagai guru, melangkah sebagai pensyarah, akhirnya Anwar Farhan Mohamad Marzaini berdiri sebagai doktor falsafah dalam bidang Pendidikan.

Pensyarah dari UiTM Cawangan Pulau Pinang ini telahpun menamatkan pengajian PhD dalam bidang penilaian bahasa dalam pada masa yang samaW, teguh mendidik anak bangsa.

Kejayaan yang dicapai beliau lebih manis dan bermakna apabila turut menerima Anugerah Penyelidikan Cemerlang (APC) dan menamatkan pengajian dalam tempoh (GOT). Ini adalah bukti pengiktirafan terhadap dedikasi dan sumbangan ilmunya.

Bermula dengan latar belakang TESL, minat beliau terhadap bahasa dan pengajaran mendorongnya melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah.

Meskipun berdepan cabaran mengimbangi kerja, pengajian dan kehidupan peribadi, beliau kekal cecal dan disiplin. Bagi beliau, setiap cabaran adalah proses pembelajaran yang akhirnya membentuk ketabahan diri.

Penyelidikan yang dikendalikan oleh Anwar memberi tumpuan kepada amalan guru Bahasa Inggeris dalam melaksanakan Classroom-Based Assessment (CBA) berasaskan Common European Framework of Reference (CEFR). Kajian ini mendedahkan jurang antara polisi pendidikan dengan realiti

di bilik darjah, termasuk kekangan masa, beban kerja, dan sumber.

“Kajian ini berpotensi memacu penambahbaikan latihan guru dan dasar pendidikan negara,” jelasnya.

Justeru, penyelidikan beliau bukan sahaja mendokumentasikan pengalaman sebagai seorang guru, malah memberi cadangan penambahbaikan latihan profesional dan strategi pendidikan yang lebih realistik.

Selain itu, selaras dengan apa yang dikehendaki dalam penyelidikan yang dijalankan, beliau menegaskan bahawa UiTM memainkan peranan tinggi dalam kejayaannya.

Akses kepada sumber digital, bimbingan penyelia, bengkel penyelidikan, serta peluang kolaborasi menjadikan UiTM sebagai ekosistem penyelidikan yang kondusif.

Bagi beliau, UiTM bukan sekadar institusi, tetapi komuniti yang menanamkan nilai integriti dan inovasi.



Anwar Farhan Mohamad Marzaini



Anwar Farhan bersama ibu dan bapanya.

Sebaik sahaja bergelar doktor falsafah, beliau melihat perkara ini sebagai titik permulaan dan bukannya penamat.

Tambahnya lagi, harapan beliau adalah untuk memperkukuhkan bidang penilaian bahasa di Malaysia agar penyelidikannya memberi impak kepada dasar pendidikan dan amalan guru.



SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik, UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik